

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH NORMALA BINTI
ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]**

TARIKH : 10 JUN 2014

SOALAN :

PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan atau hukuman yang seharusnya dikenakan kepada wakil rakyat yang sesuka hati meletakkan jawatan tanpa sebab yang munasabah setelah sejumlah wang yang besar digunakan dalam Pilihan Raya Umum yang lalu.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR melaksanakan fungsi-fungsinya berlandaskan kepada kerangka undang-undang negara yang sedang berkuat kuasa sekarang seperti berikut;

- (a) Perlembagaan Persekutuan (Perkara 113-120);
- (b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);
- (c) Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19);
- (d) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981;
- (e) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002; dan
- (f) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.

Hukuman kerana meletakan jawatan sebagai Ahli Dewan Rakyat berdasarkan kepada Perkara 51 Perlembagaan Persekutuan iaitu melepaskan keahliannya melalui surat yang ditandatanganinya sendiri yang ditujukan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan sebagai Ahli Dewan Negeri berdasarkan kepada Undang-undang Tubuh Negeri adalah sebagaimana Perlembagaan Persekutuan di bawah Fasal (6) Perkara 48 iaitu hilang kelayakan untuk bertanding selama lima tahun bermula dari tarikh perlepasan jawatannya berkuat kuasa.

Oleh itu, Akta Pilihan Raya 1958 tidak boleh melarang seseorang ahli dewan meletak jawatan atas kemahuannya sendiri kerana ini akan

**bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang
Tubuh Negeri.**

Sekian. Terima kasih.